

Pemuliharaan, pembangunan fokus utama

MENJAJAR sehingga 120 kilometer (km) panjang, Sungai Klang merupakan lembangan keempat terbesar selepas lembangan Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Bernam. Jajaran Sungai Klang meliputi sejauh 80km di dalam negeri Selangor manakala 40km lagi berada di dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL),

Berkeluasan 1,290km persegi, lembangan Sungai Klang merangkumi tiga empangan utama di sekitar Selangor iaitu Empangan Batu, Klang Gates dan Subang. Lembangan sungai yang penuh dengan kisah dan sejarah tersendiri ini mempunyai 13 anak sungai yang menjadi nadi kehidupan warga Lembah Klang sejak sekian lama.

Hulu Sungai Klang bermula dari Hutan Simpan Ulu Gombak mengunjur sehingga ke muara Sungai Klang yang terletak di Pelabuhan Klang. Sungai yang turut menyimpan 1,000 kisah kehidupan ini mempunyai kelebaran maksimum sehingga 300 meter.

Selain itu, jajaran Sungai Klang melalui kawasan di bawah enam pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT). DBKL merupakan PBT yang mentadbir jajaran paling panjang di Sungai Klang iaitu sejauh 40km.

Menurut Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor, Azmi Ibrahim, selain DBKL, Majlis Perbandaran Klang (MPK) turut mentadbir kawasan Sungai Klang sepanjang 21km, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sejauh 20km, Majlis Perbandaran Subang Jaya (9km), Majlis Bandaraya Petaling Jaya



PEMANDANGAN Sungai Klang di tengah-tengah bandar Klang.


(6km) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (24km).

Beliau berkata, sebagai antara agensi yang turut memainkan peranan memastikan pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang terjaga, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor bertanggungjawab menasihati PBT berhubung aspek perancangan bandar dan desa serta kemajuan serta penggunaan tanah di sekitarnya.

Selain itu, katanya, agensi itu juga bertanggungjawab menyediakan potensi dan

cadangan pembangunan di sekitar Sungai Klang selain menyelaras aktiviti serta program yang berkaitan di situ.

Katanya, antara prinsip-prinsip pengurusan sungai bersepadu yang dirancang bagi aspek pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang termasuklah memberi tumpuan kepada semua sumber semula jadi iaitu udara, air, flora dan fauna di lembangan sungai berkenaan selain menyeimbangkan keperluan manusia dengan keperluan habitat haiwan dan tumbuhan.



JAMBATAN Kota yang menghiasi Sungai Klang menjadi penghubung utama penduduk Klang sejak sekian lama.